

## **BAB 4**

### **ANALISIS DATA**

#### **Pengenalan**

Kajian ini telah dianalisa dengan bantuan komputer dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 7.5*. Min, frekuensi, peratusan, ujian-t dijalankan untuk memudahkan penganalisaan data. Semua keputusan yang diperolehi dibentang dalam bentuk jadual.

#### **Latar Belakang Responden**

Kajian ini melibatkan 62 responden dari dua buah sekolah, sebuah sekolah kerajaan iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Dato' Harun (SMKTDH) dan sebuah sekolah swasta iaitu Sekolah Sri Bestari (SSB). Maklumat latar belakang responden ditunjukkan dalam Jadual 1. Jumlah responden lelaki dalam kajian ini ialah 12 orang, manakala perempuan adalah sebanyak 50 orang. Responden SMKTDH terdiri terdiri daripada 4 orang (12.5%) lelaki dan 28 orang (87.5%) perempuan. Manakala, responden SSB terdiri daripada 8 orang (26.7%) lelaki dan 22 orang (73.3%) perempuan. Responden SMKTDH yang berumur kurang daripada 34 tahun ialah 53.1% (n=17) dan yang berumur lebih daripada 35 tahun ialah 46.9% (n=15). Responden SSB yang berumur kurang daripada 34 tahun ialah 46.7 % (n=14) dan yang berumur lebih daripada 35 tahun ialah 53.3% (n=16).

Jadual 1: Maklumat Latar Belakang Responden

| Maklumat Latar Belakang             | Frekuensi (n)<br>(SMKTDH) | Peratus (%)<br>(SMKTDH) | Frekuensi (n)<br>(SSB) | Peratus (%)<br>(SSB) |
|-------------------------------------|---------------------------|-------------------------|------------------------|----------------------|
| <b>Jantina</b>                      |                           |                         |                        |                      |
| Lelaki                              | 4                         | 12.5                    | 8                      | 26.7                 |
| Perempuan                           | 28                        | 87.5                    | 22                     | 73.3                 |
| <b>Umur</b>                         |                           |                         |                        |                      |
| Kurang daripada 34 tahun            | 17                        | 53.1                    | 14                     | 46.7                 |
| 35 hingga 60 tahun                  | 15                        | 46.9                    | 16                     | 53.3                 |
| <b>Kelulusan akademik tertinggi</b> |                           |                         |                        |                      |
| MCE/SPM/SPVM/O LEVEL                | 0                         | 0.0                     | 3                      | 10.0                 |
| HSC/STP/STPM/A LEVEL                | 1                         | 3.1                     | 2                      | 6.7                  |
| Ijazah                              | 29                        | 90.6                    | 24                     | 80.0                 |
| Ijazah Lanjutan                     | 2                         | 6.3                     | 1                      | 3.3                  |
| <b>Kelulusan ikhtisas tertinggi</b> |                           |                         |                        |                      |
| Sijil                               | 5                         | 15.6                    | 3                      | 10.0                 |
| Diploma                             | 21                        | 65.6                    | 25                     | 83.4                 |
| Ijazah                              | 6                         | 18.8                    | 1                      | 3.3                  |
| Tiada                               | 0                         | 0.0                     | 1                      | 3.3                  |
| <b>Mata pelajaran yang diajar</b>   |                           |                         |                        |                      |
| Sains dan Matematik                 | 7                         | 21.9                    | 9                      | 30.0                 |
| Kemanusiaan                         | 12                        | 37.5                    | 6                      | 20.0                 |
| Bahasa                              | 8                         | 25.0                    | 10                     | 33.4                 |
| Vokasional                          | 5                         | 15.6                    | 4                      | 13.3                 |
| Lain                                | 0                         | 0.0                     | 1                      | 3.3                  |
| <b>Pengalaman mengajar</b>          |                           |                         |                        |                      |
| Kurang daripada 5 tahun             | 9                         | 28.1                    | 7                      | 23.3                 |
| 5-10 tahun                          | 11                        | 34.4                    | 10                     | 33.3                 |
| 10-15 tahun                         | 4                         | 12.5                    | 5                      | 16.8                 |
| 15-20 tahun                         | 2                         | 6.3                     | 1                      | 3.3                  |
| Lebih daripada 20 tahun             | 6                         | 18.7                    | 7                      | 23.3                 |

Dapatan kajian menunjukkan, tiada responden SMKTDH yang mempunyai kelulusan MCE/SPM/SPVM/O LEVEL. Responden yang mempunyai kelayakan HSC/STP/STPM/A LEVEL ialah 3.1% (n=1), manakala responden yang memiliki ijazah ialah 90.6% (n=29) dan ijazah lanjutan ialah 6.3% (n=2). Responden SSB yang mempunyai kelayakan MCE/SPM/SPVM/O LEVEL ialah 10 % (n=3), HSC/STP/STPM/A LEVEL ialah 6.7% (n=2), ijazah ialah 80% (24) dan ijazah lanjutan ialah 3.3 (n=1). Ini bermakna majoriti responden daripada kedua-dua sekolah itu ialah mereka yang mempunyai ijazah.

Dari segi kelulusan ikhtisas, 15.6% (n=5) responden memiliki sijil, 65.6% (n=21) diploma dan 18.8% (n=6) ijazah. Manakala Responden SSB yang mempunyai sijil ialah 10% (n=3), diploma ialah 83.4 (n=25), ijazah ialah 3.3 % (n=1) dan ijazah lanjutan ialah 3.3% (n=1). Dengan ini dapat disimpulkan bahawa responden daripada kedua-dua sekolah ini adalah mereka yang mempunyai diploma.

Dapatan kajian menunjukkan responden SMKTDH yang mengajar mata pelajaran kemanusiaan adalah paling ramai iaitu 37.5% (n=12) diikuti dengan responden yang mengajar bahasa 25% (n=8). Responden yang mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik ialah 21.9% (n=7) manakala yang mengajar mata pelajaran vokasional ialah 15.6% (n=5). Manakala responden SSB yang mengajar mata pelajaran bahasa adalah paling ramai iaitu 33.3% (n=10) dan diikuti dengan responden yang mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik iaitu 30.0% (n=9). Responden yang mengajar mata pelajaran kemanusiaan adalah sebanyak 20% (n=6) dan sebanyak 3.3% (n=1) responden yang mengajar mata pelajaran lain seperti komputer.

Responden SMKTDH yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 5 tahun ialah 28.1% (n=9). Responden yang mempunyai pengalaman mengajar 5-10 tahun

ialah 34.4% (n=11), 10 hingga 15 tahun ialah 12.5% (n=4), 15 hingga 20 tahun ialah 6.3% (n=2) dan lebih daripada 20 tahun ialah 18.7% (n=6). Responden SSB yang mempunyai pengalaman kurang daripada 5 tahun ialah 23.3% (n=7), 5 hingga 10 tahun ialah 33.3% (n=10), 10 hingga 15 tahun ialah 16.8% (n=5), 15 hingga 20 tahun ialah 3.3% (n=1) dan lebih daripada 20 tahun ialah 23.3% (n=7). Ini bermakna majoriti responden dari kedua-dua sekolah mempunyai pengalaman kurang daripada 10 tahun.

### **Kaedah Pengajaran**

Jadual 2a dan 2b menunjukkan kaedah yang digunakan oleh responden dalam pengajaran. Kaedah yang disukai oleh responden SMKTDH ialah perbincangan iaitu 65.7% (n=21). Kaedah kedua yang disukai oleh responden ialah sumbangsaran 28.2% (n=9). Sementara itu, sebanyak 15.7% (n=5), 22.6% (n=7), responden masing-masing mengatakan kaedah pengajaran yang disukai ialah demonstrasi dan penyelesaian masalah. Sebanyak 25% (n=8) responden pula suka dengan kaedah inkuiri dan sebanyak 22.6% (n=7) suka dengan kaedah penyelesaian masalah. Kaedah lain seperti koperatif hanya disukai oleh satu responden sahaja (3.1%). Secara keseluruhannya, 3 kaedah pengajaran yang disukai oleh responden ialah perbincangan  $\bar{X}=1.97$  (n=21), sumbangsaran  $\bar{X}=0.78$  dan inkuiri  $\bar{X}=0.75$  (n=8).

Kaedah pengajaran yang disukai oleh responden SSB ialah perbincangan 60% (n=18). Kaedah kedua yang disukai adalah inkuiri dan demonstrasi 30% (n=9). Sebanyak 20% (n=6) responden yang suka dengan kaedah penyelesaian masalah. Manakala sebanyak 10% (n=3) responden yang suka dengan kaedah sumbangsaran. Sementara 26.7% (n=8) suka dengan kaedah syarahan. Dari segi min, kaedah pengajaran yang paling disukai oleh

responden ialah perbincangan ( $\bar{X}=1.80$ ). Secara keseluruhannya, min kaedah pengajaran yang paling disukai oleh responden kedua-dua sekolah adalah perbincangan.

Jadual 2a: Kaedah Pengajaran Yang Digunakan Oleh Guru SMKTDH

| Kaedah Pengajaran    | TS<br>(%)    | KS<br>(%)   | S<br>(%)    | PS<br>(%)    | $\bar{X}$ |
|----------------------|--------------|-------------|-------------|--------------|-----------|
| Inkuiri              | 21<br>(65.6) | 3<br>(9.4)  | 3<br>(9.4)  | 5<br>(15.6)  | 0.75      |
| Perbincangan         | 4<br>(12.5)  | 7<br>(21.8) | 7<br>(21.9) | 14<br>(43.8) | 1.97      |
| Syarahan             | 23<br>(71.9) | 4<br>(12.5) | 5<br>(15.6) | 0<br>(0.0)   | 0.44      |
| Demonstrasi          | 25<br>(78.0) | 2<br>(6.3)  | 3<br>(9.4)  | 2<br>(6.3)   | 0.44      |
| Penyelesaian Masalah | 21<br>(67.7) | 3<br>(9.7)  | 5<br>(16.1) | 2<br>(6.5)   | 0.13      |
| Sumbangsaran         | 19<br>(59.3) | 4<br>(12.5) | 6<br>(18.8) | 3<br>(9.4)   | 0.78      |
| Simulasi             | 27<br>(84.3) | 2<br>(6.3)  | 0<br>(0.0)  | 3<br>(9.4)   | 0.34      |
| Projek               | 26<br>(81.3) | 5<br>(15.6) | 1<br>(3.1)  | 0<br>(0.0)   | 0.22      |
| Permainan            | 26<br>(81.3) | 2<br>(6.3)  | 1<br>(3.1)  | 3<br>(9.4)   | 0.41      |
| Lain                 | 31<br>(96.9) | 0<br>(0.0)  | 1<br>(3.1)  | 0<br>(0.0)   | 0.10      |

Nota : TS= Tidak Suka      KS=Kurang Suka      S=Suka      PS=Paling Suka

Jadual 2b: Kaedah Pengajaran Yang Digunakan Oleh Guru SSB

| Kaedah Pengajaran    | TS<br>(%)    | KS<br>(%)   | S<br>(%)    | PS<br>(%)    | $\bar{X}$ |
|----------------------|--------------|-------------|-------------|--------------|-----------|
| Inkuiiri             | 17<br>(56.7) | 4<br>(13.3) | 5<br>(16.7) | 4<br>(13.3)  | 0.87      |
| Perbincangan         | 6<br>(20.0)  | 6<br>(20.0) | 6<br>(20.0) | 12<br>(40.0) | 1.80      |
| Syarahan             | 16<br>(53.3) | 6<br>(20.0) | 6<br>(20.0) | 2<br>(6.7)   | 0.80      |
| Demonstrasi          | 19<br>(63.3) | 2<br>(6.7)  | 5<br>(16.7) | 4<br>(13.3)  | 0.80      |
| Penyelesaian Masalah | 22<br>(73.3) | 2<br>(6.7)  | 4<br>(13.3) | 2<br>(6.7)   | 0.13      |
| Sumbangsaran         | 26<br>(86.7) | 2<br>(6.7)  | 1<br>(3.3)  | 1<br>(3.3)   | 0.23      |
| Simulasi             | 25<br>(83.3) | 2<br>(6.7)  | 1<br>(3.3)  | 2<br>(6.7)   | 0.33      |
| Projek               | 22<br>(73.3) | 5<br>(16.7) | 1<br>(3.3)  | 2<br>(6.7)   | 0.43      |
| Permainan            | 27<br>(90.1) | 1<br>(3.3)  | 1<br>(3.3)  | 1<br>(3.3)   | 0.20      |

Nota : TS= Tidak Suka      KS=Kurang Suka      S=Suka      PS=Paling Suka

### Kaedah Pengajaran Dengan Bantuan Internet

Jadual 3 menunjukkan kaedah pengajaran yang menggunakan bantuan Internet.

Sebanyak 71.9% (n=23) responden SMKTDH yang tidak menggunakan bantuan Internet dalam pengajaran. Antara kaedah pengajaran yang digunakan dengan bantuan Internet adalah inkuiiri 9.4% (n=3), projek 6.3% (n=2), perbincangan, demonstrasi, penyelesaian masalah dan permainan 3.1% (n=1). Kaedah syarahan, sumbangsaran dan simulasi tidak menggunakan bantuan Internet.

Jadual 3: Kaedah Pengajaran Yang Digunakan Dengan Bantuan Internet

| Kaedah Pengajaran    | SMKTDH    |      | SSB       |      |
|----------------------|-----------|------|-----------|------|
|                      | Frekuensi | %    | Frekuensi | %    |
| Inkuiiri             | 3         | 9.4  | 0         | 0.0  |
| Perbincangan         | 1         | 3.1  | 2         | 6.7  |
| Syarahan             | 0         | 0.0  | 0         | 0.0  |
| Demonstrasi          | 1         | 3.1  | 1         | 3.3  |
| Penyelesaian Masalah | 1         | 3.1  | 0         | 0.0  |
| Sumbangsaran         | 0         | 0.0  | 0         | 0.0  |
| Simulasi             | 0         | 0.0  | 0         | 0.0  |
| Projek               | 2         | 6.3  | 11        | 36.7 |
| Permainan            | 1         | 3.1  | 1         | 3.3  |
| Tiada                | 23        | 71.9 | 15        | 50.0 |

Sebanyak 50 % responden SSB tidak menggunakan bantuan Internet dalam pengajaran. Kaedah projek 36.7% (n=11) merupakan kaedah pengajaran yang paling banyak digunakan oleh responden. Kaedah lain seperti perbincangan 6.7% (n=2), demonstrasi dan permainan 3.3% (n=1) digunakan dengan bantuan Internet. Kaedah lain yang tidak digunakan bantuan Internet adalah seperti inkuiiri, syarahan, penyelesaian masalah, sumbangsaran dan simulasi.

Secara keseluruhannya, majoriti responden SSB (50%) menggunakan bantuan Internet dalam pengajaran jika dibandingkan dengan SMKTDH (28.1%). Sebanyak 9.4% responden SMKTDH suka pada kaedah inkuiiri manakala sebanyak 36.7% responden SSB suka pada kaedah Projek.

### **Alat Bantu Mengajar (ABM)**

Jadual 4a dan 4b menunjukkan jenis ABM yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran oleh responden SMKTDH dan SSB. Jenis ABM yang paling suka digunakan oleh responden SMKTDH ialah buku teks 31.2% (n=10). Jenis ABM yang kedua paling suka digunakan oleh responden SMKTDH ialah buku rujukan 21.9% (n=7). Manakala jenis ABM yang ketiga paling disuka ialah transparensi 15.6% (n=5). Sementara jenis ABM lain yang paling disukai oleh responden adalah seperti carta dan peta 9.4% (n=3), gambar dan majalah 3.1% (n=1) dan surat khabar 6.3% (n=2). Dari segi min, jenis ABM yang kerap digunakan ialah buku rujukan  $\bar{X}=1.37$  dan buku teks  $\bar{X}=1.22$ . Min responden yang menggunakan Internet sebagai ABM dalam pengajaran ialah  $\bar{X}=0.01$  sahaja.

Jadual 4a: Jenis ABM Yang Digunakan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran SMK TTDH

| Jenis ABM    | TS<br>(%)     | KS<br>(%)    | S<br>(%)    | PS<br>(%)    | $\bar{X}$ |
|--------------|---------------|--------------|-------------|--------------|-----------|
| Buku teks    | 14<br>(43.8)  | 7<br>(21.9)  | 1<br>(3.1)  | 10<br>(31.2) | 1.22      |
| Carta        | 16<br>(50.0)  | 4<br>(12.5)  | 9<br>(28.1) | 3<br>(9.4)   | 0.97      |
| Radio        | 30<br>(93.8)  | 1<br>(3.1)   | 1<br>(3.1)  | 0<br>(0.0)   | 0.10      |
| TV           | 31<br>(96.9)  | 0<br>(0.0)   | 1<br>(3.1)  | 0<br>(0.0)   | 0.10      |
| Video        | 32<br>(100.0) | 0<br>(0.0)   | 0<br>(0.0)  | 0<br>(0.0)   | 0.00      |
| Trasparensi  | 20<br>(62.5)  | 3<br>(9.4)   | 4<br>(12.5) | 5<br>(15.6)  | 0.81      |
| Peta         | 26<br>(81.2)  | 2<br>(6.3)   | 1<br>(3.1)  | 3<br>(9.4)   | 0.41      |
| Gambar       | 29<br>(90.6)  | 2<br>(6.3)   | 0<br>(0.0)  | 1<br>(3.1)   | 0.16      |
| Surat Khabar | 22<br>(68.7)  | 0<br>(0.0)   | 8<br>(25.0) | 2<br>(6.3)   | 0.69      |
| Majalah      | 30<br>(93.8)  | 0<br>(0.0)   | 1<br>(3.1)  | 1<br>(3.1)   | 0.16      |
| Buku Rujukan | 9<br>(28.1)   | 10<br>(31.2) | 6<br>(18.8) | 7<br>(21.9)  | 1.37      |
| Internet     | 31<br>(96.9)  | 1<br>(3.1)   | 0<br>(0.0)  | 0<br>(0.0)   | 0.01      |
| CD Rom       | 32<br>(100.0) | 0<br>(0.0)   | 0<br>(0.0)  | 0<br>(0.0)   | 0.00      |

Nota : TS=Tidak Suka

KS=Kurang Suka

S=Suka

PS=Paling Suka

Jadual 4b: Jenis ABM Yang Digunakan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran SSB

| Jenis ABM    | TS<br>(%)     | KS<br>(%)   | S<br>(%)     | PS<br>(%)   | $\bar{X}$ |
|--------------|---------------|-------------|--------------|-------------|-----------|
| Buku teks    | 7<br>(23.3)   | 8<br>(26.7) | 11<br>(36.7) | 4<br>(13.3) | 1.40      |
| Carta        | 16<br>(53.4)  | 7<br>(23.3) | 6<br>(20.0)  | 1<br>(3.3)  | 0.73      |
| Radio        | 29<br>(96.7)  | 1<br>(3.3)  | 0<br>(0.0)   | 0<br>(0.0)  | 0.01      |
| TV           | 30<br>(100.0) | 0<br>(0.0)  | 0<br>(0.0)   | 0<br>(0.0)  | 0.00      |
| Video        | 24<br>(80.0)  | 4<br>(13.3) | 2<br>(6.7)   | 0<br>(0.0)  | 0.30      |
| Trasparensi  | 20<br>(66.6)  | 2<br>(6.7)  | 2<br>(6.7)   | 6<br>(20.0) | 0.80      |
| Peta         | 29<br>(96.7)  | 0<br>(0.0)  | 1<br>(3.3)   | 0<br>(0.0)  | 0.10      |
| Gambar       | 27<br>(90.0)  | 1<br>(3.3)  | 0<br>(0.0)   | 2<br>(6.7)  | 0.23      |
| Surat Khabar | 25<br>(83.4)  | 3<br>(10.0) | 1<br>(3.3)   | 1<br>(3.3)  | 0.27      |
| Majalah      | 26<br>(86.7)  | 2<br>(6.7)  | 1<br>(3.3)   | 1<br>(3.3)  | 0.23      |
| Buku Rujukan | 16<br>(53.3)  | 0<br>(0.0)  | 6<br>(20.0)  | 8<br>(26.7) | 1.20      |
| Internet     | 22<br>(73.3)  | 1<br>(3.3)  | 2<br>(6.7)   | 5<br>(16.7) | 0.67      |
| CD Rom       | 29<br>(96.7)  | 0<br>(0.0)  | 0<br>(0.0)   | 1<br>(3.3)  | 0.10      |

Nota : TS=Tidak Suka

KS=Kurang Suka

S=Suka

PS=Paling Suka

Peratus tertinggi responden SSB yang paling suka menggunakan jenis ABM dalam pengajaran ialah buku rujukan 26.7% (n=8). Peratus kedua tertinggi ialah jenis ABM transparensi 20% (n=6) dan ketiga ialah Internet 16.7% (n=5). Peratus pilihan paling suka jenis ABM lain ialah buku teks 13.3 % (n=4), carta, surat khabar, CD Rom dan majalah 3.3% (n=1), gambar 6.7% (n=2) dan radio, TV, video dan peta 0% (n=0). Dari segi min jenis ABM yang kerap digunakan ialah buku teks  $\bar{X}=1.40$ .

Secara keseluruhannya responden SMKTDH paling suka menggunakan jenis ABM buku teks berbanding dengan responden SSB yang suka menggunakan buku rujukan. Peratus penggunaan Internet dalam pengajaran oleh responden SSB (23.7%) adalah tinggi jika dibandingkana dengan responden SMKTDH (0%).

#### **Latar Belakang Penggunaan Internet**

Latar belakang penggunaan Internet meliputi pengalaman mengguna Internet, punca pembelajaran Internet, tempoh penggunaan Internet di rumah, sekolah dan tempat lain, kekerapan penggunaan Internet di rumah, sekolah dan tempat lain dan tujuan penggunaan Internet. Latar belakang penggunaan Internet ditunjukkan dalam jadual 5, 6, 7, 8 dan 9a dan 9b.

Jadual 5: Pengalaman Penggunaan Internet

| Pengalaman mengguna Internet | Frekuensi (n)<br>(SMKTDH) | Peratus (%)<br>(SMKTDH) | Frekuensi (n)<br>(SSB) | Peratus (%)<br>(SSB) |
|------------------------------|---------------------------|-------------------------|------------------------|----------------------|
| Ya                           | 18                        | 43.8                    | 24                     | 80.0                 |
| Tidak                        | 14                        | 56.2                    | 6                      | 20.0                 |
| Keseluruhan                  | 32                        | 100.0                   | 30                     | 100.0                |

Jumlah responden dari kedua-dua sekolah yang mengguna Internet ialah 38 (61.3%). Responden SMKTDH yang pernah menggunakan Internet adalah sebanyak 43.8% (n=18) manakala yang tidak pernah menggunakaninya adalah sebanyak 56.2% (n=14). Responden SSB yang pernah menggunakan Internet adalah sebanyak 80% (n=20) dan yang tidak pernah menggunakaninya ialah sebanyak 20% (n=6). Ini bermakna majoriti responden SSB pernah menggunakan Internet.

Jadual 6: Punca Pembelajaran Internet

| Punca          | Frekuensi (n)<br>(SMKTDH) | Peratus (%)<br>(SMKTDH) | Frekuensi (n)<br>(SSB) | Peratus (%)<br>(SSB) |
|----------------|---------------------------|-------------------------|------------------------|----------------------|
| Guru/Pensyarah | 6                         | 18.8                    | 2                      | 6.6                  |
| Kawan          | 5                         | 15.6                    | 6                      | 20.0                 |
| Sendiri        | 3                         | 9.4                     | 5                      | 16.7                 |
| Keluarga       | 4                         | 12.5                    | 3                      | 10.0                 |
| Kursus         | 0                         | 0.0                     | 8                      | 26.7                 |
| Tiada          | 14                        | 43.7                    | 6                      | 20.0                 |
| Keseluruhan    | 32                        | 100.0                   | 30                     | 100.0                |

Kajian menunjukkan sebanyak 18.8% (n=6) responden SMKTDH mempelajari Internet daripada guru/pensyarah diikuti dengan kawan 15.6% (n=5), sendiri 9.4% (n=3) dan keluarga 12.5% (n=4). Responden SSB yang mempelajari daripada guru/pensyarah adalah sebanyak 6.6% (n=2) diikuti dengan kawan 20% (n=6), sendiri 16.7% (n=5), keluarga 10% (n=3) dan kursus 26.7% (n=8). Ini menunjukkan majoriti responden SMKTDH mempelajari

Internet daripada guru/pensyarah dan tiada responden yang dapat mempelajari melalui kursus manakala responden SSB belajar dengan menghadiri kursus.

Responden SMKTDH yang mempunyai pengalaman kurang daripada 1 tahun ialah 28.1% (n=9) sementara 18.8% (n=6) responden mempunyai pengalaman selama 1 hingga 3 tahun dan 9.4% (n=3) responden mempunyai pengalaman selama 3 hingga 5 tahun.

Responden SSB yang mempunyai pengalaman kurang daripada 1 tahun adalah sebanyak 30% (n=9) sementara responden yang mempunyai pengalaman 1 hingga 3 ialah 40% (n=12) dan diikuti dengan responden yang mempunyai pengalaman selama 3 hingga 5 tahun ialah 10% (n=3). Ini bermakna responden SSB mempunyai pengalaman yang lebih iaitu lebih dari satu tahun (50%) daripada responden SMKTDH (26.2%). Jumlah responden yang mempunyai pengalaman lebih dari satu tahun dari kedua-dua sekolah ialah 38.7%.

Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden (n=12) SMKTDH menggunakan Internet di rumah sementara responden lain (n=9) menggunakan Internet di tempat lain seperti di Kafe Internet, rumah kawan dan perpustakaan. Memandangkan SMKTDH tidak menyediakan kemudahan Internet maka tiada responden yang menggunakan Internet di sekolah. Manakala responden SSB yang menggunakan Internet di sekolah adalah sebanyak 40% (n=12) diikuti dengan responden yang menggunakan Internet di rumah sebanyak 23.3% (n=7) sementara sebanyak 6.7% (n=2) responden yang menggunakan di tempat lain seperti Kafe Internet. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa majoriti responden SMKTDH menggunakan Internet di rumah sementara responden SSB menggunakan Internet di sekolah. Jumlah responden dari kedua-dua sekolah yang menggunakan Internet di rumah ialah 30.6%, sekolah 19.3% dan tempat lain 17.7%.

Dari segi tempoh penggunaan Internet di rumah (seminggu), 31.2% (n=10) responden SMKTDH menggunakan kurang daripada 4 jam dan 6.3% (n=2) yang menggunakan lebih dari 4 jam, manakala 28.2% (n=9) responden menggunakan Internet kurang daripada 4 jam

di tempat lain. Sementara itu, 16.6% (n=5) responden SSB menggunakan Internet di rumah (seminggu) kurang daripada 4 jam, manakala responden yang menggunakan Internet di sekolah kurang daripada 4 jam ialah sebanyak 34.3% (n=10) dan responden yang menggunakan Internet lebih daripada 4 jam ialah sebanyak 6.7% (n=2).

Jadual 7: Tempoh Pengalaman Mengguna Internet

| Tempoh pengalaman   | Frekuensi (n)<br>(SMKTDH) | Peratus (%)<br>(SMKTDH) | Frekuensi (n)<br>(SSB) | Peratus (%)<br>(SSB) |
|---|---------------------------|-------------------------|------------------------|----------------------|
| <b>Pengalaman menggunakan Internet</b>                      |                           |                         |                        |                      |
| Tiada   | 14                        | 43.7                    | 6                      | 20.0                 |
| Kurang daripada 1 tahun                                     | 9                         | 28.1                    | 9                      | 30.0                 |
| 1-3 tahun   | 6                         | 18.8                    | 12                     | 40.0                 |
| 3-5 tahun   | 3                         | 9.4                     | 3                      | 10.0                 |
| <b>Tempoh penggunaan Internet di rumah (seminggu)</b>       |                           |                         |                        |                      |
| Tiada   | 20                        | 62.5                    | 23                     | 76.7                 |
| Kurang daripada 2 jam                                       | 5                         | 15.6                    | 1                      | 3.3                  |
| 2-4 jam   | 5                         | 15.6                    | 4                      | 13.3                 |
| Lebih daripada 4 jam  | 2                         | 6.3                     | 2                      | 6.7                  |
| <b>Tempoh penggunaan Internet di sekolah (seminggu)</b>     |                           |                         |                        |                      |
| Tiada   | 32                        | 100.0                   | 18                     | 60.0                 |
| Kurang daripada 2 jam                                       | 0                         | 0.0                     | 8                      | 26.6                 |
| 2-4 jam   | 0                         | 0.0                     | 2                      | 6.7                  |
| Lebih daripada 4 jam  | 0                         | 0.0                     | 2                      | 6.7                  |
| <b>Tempoh penggunaan Internet di tempat lain (seminggu)</b> |                           |                         |                        |                      |
| Tiada   | 23                        | 73.8                    | 28                     | 93.3                 |
| Kurang daripada 2 jam                                       | 7                         | 21.9                    | 2                      | 6.7                  |
| 2-4 jam   | 2                         | 6.3                     | 0                      | 0.0                  |
| Lebih daripada 4 jam  | 0                         | 0.0                     | 0                      | 0.0                  |

Responden yang menggunakan Internet di tempat lain adalah sebanyak 6.7% (n=2). Hasil kajian menunjukkan majoriti responden SMKTDH menggunakan Internet kurang daripada 2

jam (37.5%) daripada jumlah responden SMKTDH manakala responden SSB menggunakan Internet lebih daripada 2 jam (34.4%) daripada jumlah responden SSB.

Jadual 8 menunjukkan kekerapan penggunaan Internet responden SMKTDH menggunakan Internet di rumah kurang daripada 2 kali adalah sebanyak 18.7% (n=6), 3 hingga 4 kali adalah sebanyak 12.5% (n=4) dan lebih daripada 5 kali adalah sebanyak 6.3% (n=2). Manakala kekerapan penggunaan Internet di tempat lain kurang daripada 2 kali adalah

**Jadual 8: Kekerapan Menggunakan Internet**

| Kekerapan  | Frekuensi (n)<br>(SMKTDH) | Peratus (%)<br>(SMKTDH) | Frekuensi (n)<br>(SSB) | Peratus (%)<br>(SSB) |
|--|---------------------------|-------------------------|------------------------|----------------------|
| <b>Kekerapan penggunaan Internet di rumah (seminggu)</b>       |                           |                         |                        |                      |
| Tiada  | 20                        | 62.5                    | 21                     | 70.0                 |
| Kurang daripada 2 kali   | 6                         | 18.7                    | 2                      | 6.7                  |
| 3-4 kali   | 4                         | 12.5                    | 1                      | 3.3                  |
| Lebih daripada 5 kali  | 2                         | 6.3                     | 6                      | 20.0                 |
| <b>Kekerapan penggunaan Internet di sekolah (seminggu)</b>     |                           |                         |                        |                      |
| Tiada  | 32                        | 100.0                   | 19                     | 63.3                 |
| Kurang daripada 2 kali   | 0                         | 0.0                     | 5                      | 16.7                 |
| 3-4 kali   | 0                         | 0.0                     | 4                      | 13.3                 |
| Lebih daripada 5 kali  | 0                         | 0.0                     | 2                      | 6.7                  |
| <b>Kekerapan penggunaan Internet di tempat lain (seminggu)</b> |                           |                         |                        |                      |
| Tiada  | 24                        | 75.0                    | 29                     | 96.7                 |
| Kurang daripada 2 kali   | 7                         | 21.9                    | 1                      | 3.3                  |
| 3-4 kali   | 1                         | 3.1                     | 0                      | 0.0                  |
| Lebih daripada 5 kali  | 0                         | 0.0                     | 0                      | 0.0                  |

sebanyak 21.9% (n=7) dan 3 hingga 4 kali adalah sebanyak 3.1% (n=1). Sementara responden SSB menggunakan Internet di rumah kurang daripada 2 kali adalah sebanyak

6.7% (n=2) daripada jumlah responden SSB, 3 hingga 4 kali adalah sebanyak 3.3% (n=1) dan lebih daripada 5 kali adalah sebanyak 20% (n=6). Kekerapan penggunaan Internet di sekolah kurang daripada 2 kali adalah sebanyak 16.7% (n=5), 3 hingga 4 kali adalah sebanyak 13.3% (n=4) dan lebih daripada 5 kali adalah sebanyak 6.7% (n=2). Manakala kekerapan penggunaan Internet di tempat lain kurang daripada 2 kali adalah sebanyak 3.3% (n=1). Dengan ini dapat disimpulkan bahawa responden SMKTDH kerap menggunakan Internet di rumah berbanding dengan responden SSB yang kerap menggunakan Internet di sekolah. Selain daripada itu majoriti responden SMKTDH hanya menggunakan Internet 2 kali dalam seminggu di rumah jika berbanding dengan responden SSB yang menggunakan Internet lebih daripada 5 kali di rumah. Jumlah responden daripada kedua-dua sekolah yang menggunakan Internet kurang daripada 2 kali dalam seminggu ialah sebanyak 33.8%, 3 hingga 4 kali ialah sebanyak 16.1% dan lebih daripada 5 kali ialah sebanyak 16.1%.

Jadual 9a : Tujuan Penggunaan Internet SMKTDH

| Tujuan   | TL<br>(%)    | SS<br>(%)    | K<br>(%)    | SK<br>(%)   | $\bar{X}$ |
|--|--------------|--------------|-------------|-------------|-----------|
| Mendapatkan maklumat untuk membuat nota                    | 16<br>(50.0) | 10<br>(31.3) | 3<br>(9.4)  | 2<br>(6.3)  | 1.65      |
| Mencari maklumat menerusi Internet untuk tujuan sendiri    | 12<br>(37.5) | 9<br>(28.1)  | 6<br>(18.8) | 5<br>(15.6) | 2.50      |
| Mencari maklumat menerusi Internet untuk tujuan pengajaran | 17<br>(53.1) | 11<br>(34.4) | 1<br>(3.1)  | 3<br>(9.4)  | 1.78      |
| Chatting   | 24<br>(75.0) | 4<br>(12.5)  | 1<br>(3.1)  | 3<br>(9.4)  | 1.56      |
| Mendengar lagu   | 22<br>(68.8) | 6<br>(18.8)  | 1<br>(3.1)  | 3<br>(9.4)  | 1.63      |
| Menonton filem   | 23<br>(71.9) | 5<br>(15.6)  | 1<br>(3.1)  | 3<br>(9.4)  | 1.59      |
| E-Mail   | 17<br>(53.1) | 6<br>(18.8)  | 4<br>(12.5) | 5<br>(15.6) | 2.28      |
| Menghasilkan laman web                                     | 24<br>(75.0) | 4<br>(12.5)  | 3<br>(9.4)  | 1<br>(3.1)  | 1.78      |

Nota : TL=Tiada Langsung SS=Sekali-Sekala K =Kerap SK=Sangat Kerap

## Jadual 9b: Tujuan Penggunaan Internet SSB

| Tujuan   | TL<br>(%)    | SS<br>(%)    | K<br>(%)    | SK<br>(%)   | $\bar{X}$ |
|--|--------------|--------------|-------------|-------------|-----------|
| Mendapatkan maklumat untuk membuat nota                    | 10<br>(33.3) | 12<br>(40.0) | 5<br>(16.7) | 3<br>(10.0) | 2.63      |
| Mencari maklumat menerusi Internet untuk tujuan sendiri    | 7<br>(23.3)  | 9<br>(30.0)  | 9<br>(30.0) | 5<br>(16.7) | 2.40      |
| Mencari maklumat menerusi Internet untuk tujuan pengajaran | 9<br>(30.0)  | 11<br>(36.6) | 8<br>(26.7) | 2<br>(6.7)  | 2.07      |
| Chatting   | 24<br>(80.0) | 5<br>(16.7)  | 1<br>(3.3)  | 0<br>(0.0)  | 1.23      |
| Mendengar lagu   | 20<br>(66.6) | 8<br>(26.7)  | 2<br>(6.7)  | 0<br>(0.0)  | 1.40      |
| Menonton filem   | 21<br>(70.0) | 3<br>(10.0)  | 6<br>(20.0) | 0<br>(0.0)  | 1.50      |
| E-Mail   | 16<br>(53.3) | 5<br>(16.7)  | 5<br>(16.7) | 4<br>(13.3) | 1.90      |
| Menghasilkan laman web                                     | 24<br>(80.0) | 2<br>(6.7)   | 1<br>(3.3)  | 3<br>(10.0) | 1.43      |

Nota : TL=Tiada Langsung SS=Sekali-Sekala K =Kerap SK=Sangat Kerap

Dari segi tujuan penggunaan Internet, majoriti responden SMKTDH (18.6 %+ 15.6 %=34.4%) banyak menggunakan Internet untuk mencari maklumat menerusi Internet untuk tujuan sendiri. Sebanyak 28.1% (n=9) responden pula menggunakan Internet untuk tujuan E-mail. Manakala responden yang menggunakan Internet untuk tujuan mendapatkan maklumat untuk membuat nota adalah sebanyak 15.7% (n=5). Kebanyakan responden menggunakan Internet untuk mencari maklumat untuk tujuan pengajaran, *chatting*.

mendengar lagu, menonton filem, dan menghasilkan laman web adalah sebanyak 12.5% (n=4).

Sementara sebanyak 46.7% (n=14) responden SSB menggunakan Internet untuk tujuan sendiri, 33.4% (n=10) mencari maklumat untuk tujuan pengajaran dan 30% (n=9) E-mail. Sebanyak 33.3% (n=10) tidak langsung menggunakanannya untuk mendapatkan maklumat untuk membuat nota. Ramai juga responden (80%) yang tidak menggunakan Internet untuk *chatting* dan menghasilkan laman web. Terdapat 66.7% (n=20) responden yang tidak menggunakan Internet untuk tujuan menonton filem dan 66.7% (n=20) untuk tujuan mendengar lagu.

Kesimpulannya, majoriti responden dari kedua-dua sekolah menggunakan Internet untuk tujuan sendiri. Jika dibandingkan dengan responden SMKTDH (12.5%), responden SSB (33.4%) banyak menggunakan Internet untuk tujuan pengajaran.

### **Cara Mudah Mendapat Maklumat**

Jadual 10a dan 10b menunjukkan pendapat responden tentang cara yang mudah mendapatkan meklumat. Peratus tertinggi responden SMKTDH yang memilih pilihan punca paling suka mendapat maklumat ialah Internet 37.5% (n=12). Peratus kedua tertinggi ialah perpustakaan 25% (n=8) dan ketiga ialah surat khabar 18.8% (n=6).

Peratus tertinggi responden SSB yang membuat pilihan paling suka mendapat maklumat ialah Internet 46.7% (n=14). Peratus kedua tertinggi ialah perpustakaan 26.7% (n=8) dan ketiga ialah surat khabar 13.3% (n=4). Dengan ini dapat disimpulkan bahawa responden kedua-dua buah sekolah berpendapat bahawa Internet merupakan cara mudah mendapat maklumat.

Jadual 10a: Cara Yang Mudah Mendapat Maklumat SMKTDH

| Cara            | TS<br>(%)    | KS<br>(%)   | S<br>(%)     | PS<br>(%)    | X    |
|-----------------|--------------|-------------|--------------|--------------|------|
| Perpustakaan    | 13<br>(40.6) | 4<br>(12.5) | 7<br>(21.9)  | 8<br>(25.0)  | 1.31 |
| Beriteks        | 27<br>(84.3) | 2<br>(6.3)  | 2<br>(6.3)   | 1<br>(3.1)   | 0.25 |
| TV              | 24<br>(75.0) | 5<br>(15.6) | 2<br>(6.3)   | 1<br>(3.1)   | 0.38 |
| Menanya Orang   | 27<br>(34.4) | 4<br>(12.5) | 1<br>(3.1)   | 0<br>(0.0)   | 0.19 |
| Mendengar Radio | 25<br>(78.1) | 4<br>(12.5) | 3<br>(9.4)   | 0<br>(0.0)   | 0.31 |
| Surat Khabar    | 9<br>(28.1)  | 7<br>(21.8) | 10<br>(31.3) | 6<br>(18.8)  | 1.41 |
| Majalah         | 26<br>(81.3) | 5<br>(15.6) | 0<br>(0.0)   | 1<br>(3.1)   | 0.25 |
| Internet        | 18<br>(56.2) | 0<br>(0.0)  | 2<br>(6.3)   | 12<br>(37.5) | 1.25 |

Nota : TS=Tidak Suka      KS=Kurang Suka      S=Suka      PS=Paling Suka

Jadual 10b: Cara Yang Mudah Mendapat Maklumat SSB

| Cara            | TS<br>(%)    | KS<br>(%)   | S<br>(%)     | PS<br>(%)    | X    |
|-----------------|--------------|-------------|--------------|--------------|------|
| Perpustakaan    | 5<br>(16.7)  | 4<br>(13.3) | 13<br>(43.3) | 8<br>(26.7)  | 1.80 |
| Beriteks        | 27<br>(90.0) | 2<br>(6.7)  | 1<br>(3.3)   | 0<br>(0.0)   | 0.13 |
| TV              | 15<br>(50.0) | 9<br>(30.0) | 4<br>(13.3)  | 2<br>(6.7)   | 0.77 |
| Menanya Orang   | 27<br>(90.0) | 0<br>(0.0)  | 2<br>(6.7)   | 1<br>(3.3)   | 0.20 |
| Mendengar Radio | 27<br>(90.0) | 2<br>(6.7)  | 1<br>(3.3)   | 0<br>(0.0)   | 0.13 |
| Surat Khabar    | 16<br>(53.3) | 5<br>(16.7) | 5<br>(16.7)  | 4<br>(13.3)  | 0.90 |
| Majalah         | 24<br>(80.0) | 4<br>(13.4) | 1<br>(3.3)   | 1<br>(3.3)   | 0.28 |
| Internet        | 8<br>(26.7)  | 4<br>(13.3) | 4<br>(13.3)  | 14<br>(46.7) | 1.28 |

Nota : TS=Tidak Suka      KS=Kurang Suka      S=Suka      PS=Paling Suka

### Kemudahan Di Sekolah

Jadual 11a dan 11b menunjukkan kemudahan yang terdapat di sekolah yang dapat membantu memperolehi maklumat dan digunakan dalam pengajaran. Sebanyak 75% (n=24) responden SMKTDH suka mengguna kemudahan buku rujukan. Manakala sebanyak 53.1% (n=17) responden suka pada kemudahan buku teks dan sebanyak 49.9% (n=15) responden suka pada buku ulangkaji. Kemudahan lain seperti majalah 0% (n=0), surat khabar 18.8%

(n=6), radio 3.1% (n=1), TV 9.4% (n=3) dan Internet 0% (n=0) kurang disuka oleh responden.

**Jadual 11a: Kemudahan Yang Terdapat Di Sekolah Yang Dapat Membantu Memperolehi Maklumat Dan Digunakan Dalam Pengajaran SMKTDH**

| Kemudahan      | TS<br>(%)     | KS<br>(%)    | S<br>(%)     | PS<br>(%)    | $\bar{X}$ |
|----------------|---------------|--------------|--------------|--------------|-----------|
| Buku Rujukan   | 3<br>(9.4)    | 5<br>(15.6)  | 11<br>(34.4) | 13<br>(40.6) | 2.06      |
| Buku Teks      | 12<br>(37.5)  | 3<br>(9.4)   | 8<br>(25.0)  | 9<br>(28.1)  | 1.44      |
| Buku Ulangkaji | 6<br>(18.7)   | 11<br>(34.4) | 8<br>(25.0)  | 7<br>(21.9)  | 1.55      |
| Majalah        | 30<br>(93.7)  | 0<br>(0.0)   | 2<br>(6.3)   | 0<br>(0.0)   | 0.13      |
| Surat Khabar   | 23<br>(71.9)  | 6<br>(18.8)  | 2<br>(6.3)   | 1<br>(3.1)   | 0.41      |
| Radio          | 30<br>(93.8)  | 1<br>(3.1)   | 0<br>(0.0)   | 1<br>(3.1)   | 0.13      |
| TV             | 27<br>(84.4)  | 3<br>(9.4)   | 1<br>(3.1)   | 1<br>(3.1)   | 0.25      |
| Internet       | 32<br>(100.0) | 0<br>(0.0)   | 0<br>(0.0)   | 0<br>(0.0)   | 0.00      |

Nota : TS=Tidak Suka      KS=Kurang Suka      S=Suka      PS=Paling Suka

Jadual 11b: Kemudahan Yang Terdapat Di Sekolah Yang Dapat Membantu Memperolehi Maklumat Dan Digunakan Dalam Pengajaran SSB

| Kemudahan      | TS<br>(%)     | KS<br>(%)   | S<br>(%)     | PS<br>(%)    | $\bar{X}$ |
|----------------|---------------|-------------|--------------|--------------|-----------|
| Buku Rujukan   | 2<br>(6.6)    | 5<br>(16.7) | 9<br>(30.0)  | 14<br>(46.7) | 2.17      |
| Buku Teks      | 10<br>(33.3)  | 5<br>(16.7) | 11<br>(36.7) | 4<br>(13.3)  | 1.30      |
| Buku Ulangkaji | 16<br>(53.3)  | 9<br>(30.0) | 2<br>(6.7)   | 3<br>(10.0)  | 0.73      |
| Majalah        | 28<br>(93.3)  | 0<br>(0.0)  | 2<br>(6.7)   | 0<br>(0.0)   | 0.13      |
| Surat Khabar   | 24<br>(80.0)  | 3<br>(10.0) | 3<br>(10.0)  | 0<br>(0.0)   | 0.30      |
| Radio          | 30<br>(100.0) | 0<br>(0.0)  | 0<br>(0.0)   | 0<br>(0.0)   | 0.00      |
| TV             | 29<br>(96.7)  | 1<br>(3.3)  | 0<br>(0.0)   | 0<br>(0.0)   | 0.01      |
| Internet       | 11<br>(36.7)  | 6<br>(20.0) | 3<br>(10.0)  | 10<br>(33.3) | 1.4       |

Nota : TS=Tidak Suka      KS=Kurang Suka      S=Suka      PS=Paling Suka

Manakala responden SSB suka menggunakan kemudahan di sekolah seperti buku rujukan 76.7% (n=23) untuk memperolehi maklumat. Sebanyak 50% (n=15) responden suka menggunakan buku teks dan diikuti dengan Internet sebanyak 43.3% (n=13). Responden kurang suka dengan kemudahan seperti majalah 0% (n=0), surat khabar 10% (n=3), radio 0% (n=0) dan TV 3.3% (n=1).

Sebagai kesimpulannya, responden kedua-dua sekolah suka menggunakan kemudahan seperti buku rujukan dan buku teks untuk memperolehi maklumat dan digunakan

dalam pengajaran. Responden SMKTDH tidak menggunakan kemudahan Internet kerana kemudahan tersebut tidak sediakan di sekolah manakala sebanyak 43.3% responden SSB suka menggunakan Internet.

### **Pendapat Tentang Internet**

Jadual 12 menunjukkan pendapat tentang Internet oleh responden. Sebanyak 43.8% (n=14) responden SMKTDH dan 60% (n=18) responden SSB mendapati Internet sangat menarik kepada mereka. Peratus responden SSB (36.7 %) berpendapat Internet lebih menarik daripada responden SMKTDH (25%). Secara keseluruhannya min item adalah tinggi iaitu, responden berpendapat Internet adalah menarik kepada mereka.

Jadual 12: Pendapat tentang Internet

| Sekolah     | M<br>(%)    | TM<br>(%)   | M<br>(%)     | SM<br>(%)    | $\bar{X}$ |
|-------------|-------------|-------------|--------------|--------------|-----------|
| SMKTDH      | 5<br>(15.7) | 4<br>(12.5) | 8<br>(25.0)  | 14<br>(43.8) | 3.00      |
| SSB         | 0<br>(0.0)  | 1<br>(3.3)  | 11<br>(36.7) | 18<br>(60.0) | 3.56      |
| Keseluruhan |             |             |              |              | 3.28      |

Nota : M=Membosankan TM=Tidak Menarik M=Menarik SM=Sangat Menarik

### **Sambungan Internet**

Jadual 13 menunjukkan keinginan kemudahan Internet di kalangan responden. Semua responden SMKTDH bersetuju ingin mempunyai sambungan Internet jika mereka tidak mempunyai kemudahan tersebut. Manakala terdapat seorang responden SSB yang tidak

setuju untuk mempunyai sambungan Internet. Ini menunjukkan majoriti guru-guru di kedua-dua buah sekolah sukaan Internet.

Jadual 13: Sambungan Internet

| Sekolah | Y<br>(%)      | T<br>(%)   |
|---------|---------------|------------|
| SMKTDH  | 32<br>(100.0) | 0<br>(0.0) |
| SSB     | 29<br>(96.7)  | 1<br>(3.3) |

Nota : Y=Ya      T=Tidak

### Subjek Yang Sesuai Digunakan Internet

Jadual 14 menunjukkan pendapat responden terhadap subjek yang sesuai digunakan dengan bantuan Internet. Responden SMKTDH berpendapat subjek Sains (21.9%) adalah paling sesuai digunakan dengan bantuan Internet. Responden juga berpendapat subjek lain seperti Bahasa Melayu (6.2%), Bahasa Inggeris (3.1%), Sejarah (15.6%), Geografi (18.8%), Ekonomi (3.1%) adalah paling sesuai digunakan dengan bantuan Internet. Manakala 21.9% responden berpendapat Internet boleh digunakan dengan semua subjek. Sementara 9.4% responden tidak tahu subjek manakah yang paling sesuai digunakan dengan bantuan Internet.

Responden SSB pula berpendapat subjek Sains adalah paling sesuai digunakan dengan bantuan Internet. Responden juga berpendapat subjek seperti Bahasa Melayu (13.3%), Bahasa Inggeris (13.3%) dan Geografi (3.3%) sesuai digunakan dengan bantuan

Internet, manakala 36.7% berpendapat semua subjek boleh digunakan dengan bantuan Internet. Sementara 6.7% tidak tahu subjek manakah yang sesuai digunakan dengan Internet.

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa responden kedua-dua buah sekolah berpendapat subjek Sains adalah paling sesuai menggunakan Internet. Oleh sebab, sebanyak 14 responden SMKTDH tidak pernah menggunakan Internet maka mereka tidak tahu subjek manakah yang paling sesuai menggunakan dengan Internet.

Jadual 14: Subjek Yang Sesuai Digunakan Internet

| Subjek          | SMKTDH    |       | SSB       |       |
|-----------------|-----------|-------|-----------|-------|
|                 | Frekuensi | (%)   | Frekuensi | (%)   |
| Bahasa Melayu   | 2         | 6.2   | 4         | 13.3  |
| Bahasa Inggeris | 1         | 3.1   | 4         | 13.3  |
| Sains           | 7         | 21.9  | 8         | 26.7  |
| Sejarah         | 5         | 15.6  | 0         | 0.0   |
| Geografi        | 6         | 18.8  | 1         | 3.3   |
| Ekonomi         | 1         | 3.1   | 0         | 0.0   |
| Semua subjek    | 7         | 21.9  | 11        | 36.7  |
| Tidak Tahu      | 3         | 9.4   | 2         | 6.7   |
| Keseluruhan     | 32        | 100.0 | 30        | 100.0 |

#### Kesediaan Guru Terhadap Penggunaan Internet

Kesediaan guru terhadap penggunaan Internet akan dibincangkan dalam dua dimensi iaitu sikap dan dorongan menggunakan Internet. Jadual 15a dan 15b menunjukkan sikap dan dorongan terhadap penggunaan Internet.

Jadual 15a: Sikap Responden Terhadap Penggunaan Internet SMKTDH

| Sikap   | STS<br>(%)   | TS<br>(%)    | KS<br>(%)   | S<br>(%)     | SS<br>(%)   | $\bar{X}$ |
|---|--------------|--------------|-------------|--------------|-------------|-----------|
| Saya suka bekerja dengan menggunakan Internet                                 | 0<br>(0.0)   | 2<br>(6.3)   | 9<br>(28.1) | 13<br>(40.6) | 8<br>(25.0) | 3.84      |
| Saya pasti kerja saya akan menjadi lebih berkesan dengan menggunakan Internet | 0<br>(0.0)   | 3<br>(9.4)   | 9<br>(28.1) | 13<br>(40.6) | 7<br>(21.9) | 3.75      |
| Saya yakin saya dapat menarik minat pelajar dengan menggunakan Internet       | 0<br>(0.0)   | 0<br>(0.0)   | 8<br>(25.0) | 16<br>(50.0) | 8<br>(25.0) | 4.00      |
| Penggunaan Internet tidak penting dalam kerjaya saya                          | 10<br>(31.3) | 12<br>(37.5) | 8<br>(25.0) | 2<br>(6.2)   | 0<br>(0.0)  | 3.94      |
| Guru boleh mengajar dengan baik menggunakan Internet                          | 0<br>(0.0)   | 2<br>(6.3)   | 4<br>(12.5) | 17<br>(53.1) | 9<br>(28.1) | 4.03      |
| Keseluruhan   |              |              |             |              |             | 3.91      |

Nota : STS=Sangat Tidak Setuju  
S=Setuju

TS=Tidak Setuju  
SS=Sangat Setuju

KS=Kurang Setuju

#### Jadual 15b: Sikap Responden Terhadap Penggunaan Internet SSB

| Sikap   | STS<br>(%)   | TS<br>(%)   | KS<br>(%)   | S<br>(%)     | SS<br>(%)    | $\bar{X}$ |
|---|--------------|-------------|-------------|--------------|--------------|-----------|
| Saya suka bekerja dengan menggunakan Internet                                 | 0<br>(0.0)   | 1<br>(3.3)  | 5<br>(16.7) | 14<br>(46.7) | 10<br>(33.3) | 4.10      |
| Saya pasti kerja saya akan menjadi lebih berkesan dengan menggunakan Internet | 0<br>(0.0)   | 2<br>(6.7)  | 8<br>(26.7) | 11<br>(36.7) | 9<br>(30.3)  | 3.90      |
| Saya yakin saya dapat menarik minat pelajar dengan menggunakan Internet       | 0<br>(0.0)   | 3<br>(10.0) | 5<br>(16.7) | 11<br>(36.7) | 11<br>(36.7) | 4.00      |
| Penggunaan Internet tidak penting dalam kerjaya saya                          | 12<br>(40.0) | 8<br>(26.7) | 8<br>(26.7) | 2<br>(6.7)   | 0<br>(0.0)   | 4.00      |
| Guru boleh mengajar dengan lebih baik dengan menggunakan Internet             | 0<br>(0.0)   | 0<br>(0.0)  | 7<br>(23.3) | 13<br>(43.3) | 10<br>(33.3) | 4.10      |
| Keseluruhan   |              |             |             |              |              | 4.02      |

Nota : STS=Sangat Tidak Setuju      TS=Tidak Setuju      KS=Kurang Setuju  
          S=Setuju                         SS=Sangat Setuju

Jadual 15a dan 15b menunjukkan sikap guru terhadap penggunaan Internet. Seramai 65.6% (n=21) responden SMKTDH berpendapat mereka suka bekerja dengan menggunakan Internet berbanding dengan responden SSB 80% (n=24). Dapatan kajian menunjukkan 62.5% (n=20) responden SMKTDH bersetuju kerjanya akan menjadi lebih berkesan dengan menggunakan Internet berbanding dengan responden SSB 67% (n=2.). Dapatan kajian juga menunjukkan 75% (n=24) responden SMKTDH yang bersetuju dapat menarik minat pelajar dengan menggunakan Internet berbanding dengan responden SSB 73.4% (n=22). Sebanyak 68.6% (n=22) responden SMKTDH bersetuju Internet adalah penting dalam kerjaya mereka berbanding dengan responden SSB 66.7% (n=20). Manakala sebanyak 81.2% (n=26) responden berpendapat guru boleh mengajar dengan baik dengan menggunakan Internet

berbanding dengan responden SSB 76.6% (n=23). Daripada dapatan kajian dapat disimpulkan bahawa responden SSB mempunyai sikap yang lebih positif ( $\bar{X}=4.02$ ) daripada responden SMKTDH ( $\bar{X}=3.91$ ).

Jadual 16a: Dorongan Menggunakan Internet SMKTDH

| Dorongan   | STS<br>(%) | TS<br>(%)  | KS<br>(%)   | S<br>(%)     | SS<br>(%)    | $\bar{X}$ |
|--|------------|------------|-------------|--------------|--------------|-----------|
| Saya berminat mendalami lagi pengetahuan Internet                              | 1<br>(3.1) | 0<br>(0.0) | 4<br>(12.5) | 12<br>(37.5) | 15<br>(46.9) | 4.25      |
| Saya berminat menggunakan Internet dalam pengajaran                            | 0<br>(0.0) | 0<br>(0.0) | 7<br>(21.9) | 14<br>(43.7) | 11<br>(34.4) | 4.13      |
| Pembelajaran melalui Internet dapat meningkatkan kreativiti pelajar            | 0<br>(0.0) | 0<br>(0.0) | 3<br>(9.4)  | 19<br>(59.4) | 10<br>(31.2) | 4.22      |
| Proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menyeronokkan dengan Internet | 0<br>(0.0) | 0<br>(0.0) | 5<br>(15.6) | 15<br>(46.9) | 12<br>(37.5) | 4.22      |
| Keseluruhan  |            |            |             |              |              | 4.20      |

Nota : STS=Sangat Tidak Setuju  
S=Setuju  
TS=Tidak Setuju  
SS=Sangat Setuju  
KS=Kurang Setuju

Jadual 16b: Dorongan Menggunakan Internet SSB

| Dorongan   | STS<br>(%) | TS<br>(%)  | KS<br>(%)   | S<br>(%)     | SS<br>(%)    | $\bar{X}$ |
|--|------------|------------|-------------|--------------|--------------|-----------|
| Saya berminat mendalami lagi pengetahuan Internet                              | 0<br>(0.0) | 2<br>(3.3) | 2<br>(6.7)  | 12<br>(40.0) | 15<br>(50.0) | 4.37      |
| Saya berminat menggunakan Internet dalam pengajaran                            | 0<br>(0.0) | 0<br>(0.0) | 2<br>(6.7)  | 17<br>(56.6) | 11<br>(36.7) | 4.30      |
| Pembelajaran melalui Internet dapat meningkatkan kreativiti pelajar            | 0<br>(0.0) | 0<br>(0.0) | 6<br>(20.0) | 12<br>(40.0) | 12<br>(40.0) | 4.20      |
| Proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menyeronokkan dengan Internet | 0<br>(0.0) | 0<br>(0.0) | 5<br>(16.7) | 16<br>(53.3) | 9<br>(30.0)  | 4.13      |
| Keseluruhan  |            |            |             |              |              | 4.25      |

Jadual 16a dan 16b menunjukkan dorongan responden dalam menggunakan Internet.

Dapatan kajian menunjukkan lebih daripada 70% responden SMKTDH berminat serta bermotivasi tinggi dalam menggunakan Internet berbanding dengan responden SSB sebanyak 80%. Responden SMKTDH yang berminat mendalam pengetahuan Internet adalah sebanyak 84.4% (n=27) berbanding dengan responden SSB sebanyak 90% (n=27). Manakala responden SMKTDH yang berminat menggunakan Internet dalam pengajaran ialah sebanyak 78.1% (n=25). Responden SSB pula adalah sebanyak 93.3% (n=28). Sebanyak 90.7% (n=29) responden SMKTDH dan 80% (n=24) responden SSB bersetuju bahawa pembelajaran melalui Internet dapat meningkatkan kreativiti pelajar. Sebanyak 84.2% (n=27) responden SMKTDH dan 83.3% (n=25) responden SSB bersetuju proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menyeronokkan dengan Internet. Dapatan kajian menunjukkan responden daripada kedua-dua buah sekolah sangat berminat dan bermotivasi dalam menggunakan

Internet dengan berpandukan skor min yang tinggi ( $4 \leq \bar{X} < 5$ ). Min keseluruhan item-item juga adalah tinggi di mana min SMKTDH ialah  $\bar{X}=4.20$  dan SSB ialah  $\bar{X}=4.25$ . Ini bermakna min dorongan mengguna Internet SSB adalah tinggi sedikit daripada SMKTDH.

### **Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Menggunakan Internet**

Tahap pengetahuan dan kemahiran responden dalam mengendalikan Internet dibincangkan dalam tiga dimensi iaitu kefahaman tentang fungsi perkakasan Internet, kefahaman tentang fungsi perisian Internet dan kemahiran tentang penggunaan perisian Internet.

Jadual 17a dan 17b menunjukkan pengetahuan responden tentang fungsi perkakasan Internet. Sebanyak 37.5% (n=12) responden SMKTDH menyatakan mereka sangat lemah tentang fungsi modem. Pengetahuan responden terhadap scanner dan kamera juga sangat lemah iaitu sebanyak 40.6% (n=13) dan 56.3% (n=18). Manakala sebanyak 25% (n=8) menyatakan pengetahuan mereka tentang mikrofon adalah sederhana.

Manakala sebanyak 40% (n=12), 43.3% (n=13) dan 50% (n=15) responden SSB masing-masing mengatakan pengetahuan mereka tentang modem, scanner dan kamera adalah sangat lemah. Sementara itu, responden yang menyatakan tahap pengetahuan mereka adalah sangat baik dalam perkakasan mikrofon 13.3% (n=4) dan speakers 16.7% (n=5).

Jika dibandingkan dengan responden SMKTDH, tahap pengetahuan responden SSB mengenai modem (40%), scanner (43.3%) adalah sangat lemah. Pengetahuan tentang scanner, mikrofon dan speakers adalah sangat baik di kalangan responden SSB jika dibandingkan dengan responden SMKTDH. Tahap pengetahuan responden SMKTDH dan SSB terhadap modem, scanner, mikrofon dan speakers adalah lemah ( $2 \leq \bar{X} < 3$ ). Pengetahuan responden terhadap kamera adalah sangat lemah ( $1 \leq \bar{X} < 2$ ). Pada keseluruhannya tahap pengetahuan kedua-dua responden sekolah adalah lemah. Sebagai kesimpulan min

pengetahuan perkakasan Internet responden SSB adalah agak baik ( $\bar{X}=2.23$ ) jika dibandingkan dengan responden SMKTDH ( $\bar{X}=2.18$ ).

Jadual 17a: Pengetahuan Tentang Fungsi Perkakasan Internet SMKTDH

| Perkakasan Internet | SL<br>(%)    | L<br>(%)    | S<br>(%)    | B<br>(%)    | SB<br>(%)   | $\bar{X}$ |
|---------------------|--------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-----------|
| Modem               | 12<br>(37.5) | 5<br>(15.6) | 8<br>(25.0) | 6<br>(18.8) | 1<br>(3.1)  | 2.34      |
| Scanner (Penyalin)  | 13<br>(40.6) | 7<br>(21.9) | 4<br>(12.5) | 5<br>(15.6) | 3<br>(9.4)  | 2.31      |
| Mikrofon            | 12<br>(37.5) | 8<br>(25.0) | 8<br>(25.0) | 1<br>(3.1)  | 3<br>(9.4)  | 2.22      |
| Kamera              | 18<br>(56.4) | 8<br>(25.0) | 2<br>(6.2)  | 2<br>(6.2)  | 2<br>(6.2)  | 1.81      |
| Speakers            | 14<br>(43.7) | 7<br>(21.9) | 4<br>(12.5) | 3<br>(9.4)  | 4<br>(12.5) | 2.25      |
| Keseluruhan         |              |             |             |             |             | 2.18      |

Nota : SL=Sangat Lemah  
B=Baik

L=Lemah  
SB=Sangat Baik

S=Sederhana

Jadual 17b: Pengetahuan Tentang Fungsi Perkakasan Internet SSB

| Perkakasan Internet | SL<br>(%)    | L<br>(%)    | S<br>(%)    | B<br>(%)    | SB<br>(%)   | $\bar{X}$ |
|---------------------|--------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-----------|
| Modem               | 12<br>(40.0) | 7<br>(23.3) | 6<br>(20.0) | 3<br>(10.0) | 2<br>(6.7)  | 2.20      |
| Scanner (Penyalin)  | 13<br>(43.3) | 9<br>(30.0) | 3<br>(10.0) | 2<br>(6.7)  | 3<br>(10.0) | 2.10      |
| Mikrofon            | 10<br>(33.3) | 9<br>(30.0) | 6<br>(20.0) | 1<br>(3.3)  | 4<br>(13.4) | 2.33      |
| Kamera              | 15<br>(50.0) | 8<br>(26.7) | 4<br>(13.3) | 2<br>(6.7)  | 1<br>(3.3)  | 1.87      |
| Speakers            | 9<br>(30.0)  | 6<br>(20.0) | 7<br>(23.3) | 3<br>(10.0) | 5<br>(16.7) | 2.63      |
| Keseluruhan         |              |             |             |             |             | 2.23      |

Nota : SL=Sangat Lemah      L=Lemah      S=Sederhana  
 B=Baik      SB=Sangat Baik

Jadual 18a dan 18b menunjukkan tahap pengetahuan responden tentang fungsi perisian Internet. Pengetahuan tentang fungsi perisian kalender dan enjin pencari mencatat peratusan responden SMKTDH 18.8% (n=6). Manakala pengetahuan responden tentang *Microsoft Netmeeting* dan *Calender* adalah sangat lemah iaitu sebanyak 59.4% (n=19). Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan responden terhadap *Outlook Express*, *Personal Webserver*, *Microsoft Netmeeting*, *Microsoft Chat*, *Front Page Press*, *Messenger Mailbox*, *Page Composer* dan *Conference* dan enjin pencari adalah sangat lemah ( $1 \leq \bar{X} < 2$ ). Manakala tahap pengetahuan tentang *Address Book* dan *Calender* adalah lemah ( $2 \leq \bar{X} < 3$ ).

Pengetahuan tentang fungsi perisian kalender mencatat peratusan responden SSB yang tinggi iaitu 13.4% (n=4). Manakala pengetahuan responden tentang *Microsoft Netmeeting* adalah sangat lemah iaitu sebanyak 66.7% (n=20). Secara keseluruhannya, tahap

pengetahuan responden terhadap *Outlook Express, Personal Webserver, Microsoft Netmeeting, Microsoft Chat, Front Page Press, Messenger Mailbox, Page Composer, Conference, Calender* dan enjin pencari adalah sangat lemah ( $1 \leq \bar{X} < 2$ ). Manakala tahap pengetahuan tentang *Address Book* adalah lemah ( $2 \leq \bar{X} < 3$ ).

Secara keseluruhannya tahap pengetahuan responden kedua-dua sekolah tentang fungsi perisian Internet adalah sangat lemah ( $1 \leq \bar{X} < 2$ ). Sebagai kesimpulan min pengetahuan perisian Internet responden SMKTDH adalah agak baik ( $\bar{X}=1.89$ ) jika dibandingkan dengan responden SSB ( $\bar{X}=1.76$ ).

Jadual 18a: Pengetahuan Tentang Fungsi Perisian Internet SMKTDH

| Perisian Internet             | SL<br>(%)    | L<br>(%)    | S<br>(%)    | B<br>(%)    | SB<br>(%)  | $\bar{X}$ |
|-------------------------------|--------------|-------------|-------------|-------------|------------|-----------|
| Address Book                  | 16<br>(50.0) | 6<br>(18.8) | 7<br>(21.9) | 0<br>(0.0)  | 3<br>(9.3) | 2.00      |
| Outlook Express               | 17<br>(53.1) | 8<br>(25.0) | 5<br>(15.7) | 1<br>(3.1)  | 1<br>(3.1) | 1.78      |
| Personal Webserver            | 16<br>(50.0) | 6<br>(18.8) | 8<br>(25.0) | 1<br>(3.1)  | 1<br>(3.1) | 1.91      |
| Microsoft Netmeeting          | 19<br>(59.3) | 7<br>(21.9) | 3<br>(9.4)  | 2<br>(6.3)  | 1<br>(3.1) | 1.72      |
| Microsoft Chat                | 17<br>(53.1) | 8<br>(25.0) | 4<br>(12.5) | 2<br>(6.3)  | 1<br>(3.1) | 1.81      |
| Front Page Press              | 18<br>(56.3) | 4<br>(12.5) | 5<br>(15.6) | 3<br>(9.3)  | 2<br>(6.3) | 1.97      |
| Messenger Mailbox             | 15<br>(46.7) | 8<br>(25.0) | 4<br>(12.5) | 4<br>(12.5) | 1<br>(3.3) | 2.00      |
| Page Composer                 | 18<br>(56.3) | 7<br>(21.9) | 4<br>(12.5) | 1<br>(3.1)  | 2<br>(6.3) | 1.81      |
| Conference                    | 16<br>(50.0) | 6<br>(18.8) | 6<br>(18.8) | 3<br>(9.4)  | 1<br>(3.1) | 1.97      |
| Calender                      | 18<br>(56.3) | 4<br>(12.5) | 4<br>(12.5) | 3<br>(9.3)  | 2<br>(6.3) | 2.03      |
| Enjin Pencari (Search Engine) | 19<br>(59.3) | 5<br>(15.6) | 4<br>(12.5) | 3<br>(9.3)  | 1<br>(3.1) | 1.81      |
| Keseluruhan                   |              |             |             |             |            | 1.89      |

Nota : SL=Sangat Lemah  
B=Baik

L=Lemah  
SB=Sangat Baik

S=Sederhana

Jadual 18b: Pengetahuan Tentang Fungsi Perisian Internet SSB

| Perisian Internet             | SL<br>(%)    | L<br>(%)    | S<br>(%)    | B<br>(%)    | SB<br>(%)  | $\bar{X}$ |
|-------------------------------|--------------|-------------|-------------|-------------|------------|-----------|
| Address Book                  | 15<br>(50.0) | 4<br>(13.4) | 7<br>(23.3) | 3<br>(10.0) | 1<br>(3.3) | 2.03      |
| Outlook Express               | 18<br>(60.0) | 4<br>(13.4) | 6<br>(20.0) | 1<br>(3.3)  | 1<br>(3.3) | 1.77      |
| Personal Webserver            | 19<br>(63.3) | 4<br>(13.4) | 6<br>(20.0) | 1<br>(3.3)  | 0<br>(0.0) | 1.63      |
| Microsoft Netmeeting          | 20<br>(66.7) | 3<br>(10.0) | 6<br>(20.0) | 1<br>(3.3)  | 0<br>(0.0) | 1.60      |
| Microsoft Chat                | 16<br>(53.3) | 4<br>(13.4) | 7<br>(23.3) | 3<br>(10.0) | 0<br>(0.0) | 1.90      |
| Front Page Press              | 17<br>(56.7) | 3<br>(10.0) | 8<br>(26.7) | 2<br>(6.6)  | 0<br>(0.0) | 1.83      |
| Messenger Mailbox             | 18<br>(60.0) | 4<br>(13.3) | 6<br>(20.0) | 1<br>(3.3)  | 2<br>(6.7) | 1.77      |
| Page Composer                 | 19<br>(63.4) | 3<br>(10.0) | 6<br>(20.0) | 1<br>(3.3)  | 1<br>(3.3) | 1.73      |
| Conference                    | 21<br>(70.0) | 3<br>(10.0) | 4<br>(13.3) | 2<br>(6.7)  | 0<br>(0.0) | 1.48      |
| Calender                      | 17<br>(56.6) | 2<br>(6.7)  | 7<br>(23.3) | 2<br>(6.7)  | 2<br>(6.7) | 1.73      |
| Enjin Pencari (Search Engine) | 14<br>(46.7) | 9<br>(30.0) | 3<br>(10.0) | 3<br>(10.0) | 1<br>(3.3) | 1.93      |
| Keseluruhan                   |              |             |             |             |            | 1.76      |

Nota : SL=Sangat Lemah      L=Lemah      S=Sederhana  
           B=Baik                   SB=Sangat Baik

Jadual 19a dan 19b menunjukkan pengetahuan tentang penggunaan perisian Internet SMKTDH dan SSB. Kebanyakan responden iaitu 21.9% (n=7) SMKTDH menyatakan mereka mempunyai kemahiran sangat baik dalam pelayaran Internet. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden (melebihi 70%) adalah lemah dalam menggunakan perisian lain. Sebanyak 84.4% (n=27), responden mempunyai pengetahuan yang lemah dalam menggunakan perisian *Address Book* dan *Outlook Express*. Bagi perisian-perisian seperti *Mirosoft Chat* dan *Front Page Press* sebanyak 81.3% (n=27) melaporkan mereka adalah lemah dari segi penggunannya. Sebanyak 84.4% (n=27), 90.6% (n=29), 71.9% (n=23), 78.2% (n=25), 87.5% (n=28), 78.1% (n=25) responden masing-masing mempunyai pengetahuan yang lemah dalam menggunakan perisian *Personal Webserver*, *Microsoft Netmeeting*, *Messenger Mailbox*, *Page Composer*, *Conference* dan *Calender*.

Majoriti responden iaitu 36.6% (n=11) SSB menyatakan mereka sangat baik dalam pelayaran Internet. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden (melebihi 60%) adalah lemah dalam menggunakan perisian lain. Sebanyak 66.7% (n=20), responden mempunyai pengetahuan yang lemah dalam menggunakan perisian *Address Book* dan *Mirosoft Chat*. Bagi perisian-perisian seperti *Outlook Express* dan *Messenger Mailbox* sebanyak 73.3% (n=22) melaporkan mereka adalah lemah dari segi penggunannya. Manakala bagi perisian-perisian seperti *Microsoft Netmeeting* dan *Conference* sebanyak 80% (n=24) responden SSB menyatakan mereka adalah lemah. Sebanyak 70.3% (n=22) responden menyatakan mereka lemah menggunakan *Front Page Press* dan *Page Composer*. Bagi perisian-perisian seperti *Personal Webserver* dan *Calender* sebanyak 76.7% (n=23) dan 70% (n=21) responden menyatakan mereka lemah dari segi penggunaannya.

Daripada dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa responden SMKTDH sangat lemah ( $1 \leq \bar{X} < 2$ ) dalam semua penggunaan perisian Internet kecuali melayar Internet ( $2 \leq \bar{X} < 3$ ).

Jadual 19a: Pengetahuan Tentang Penggunaan Perisian Internet SMKTDH

| Perisian Internet    | SL<br>(%)    | L<br>(%)    | S<br>(%)    | B<br>(%)   | SB<br>(%)   | $\bar{X}$ |
|----------------------|--------------|-------------|-------------|------------|-------------|-----------|
| Address Book         | 19<br>(59.4) | 8<br>(25.0) | 5<br>(15.6) | 0<br>(0.0) | 0<br>(0.0)  | 1.56      |
| Outlook Express      | 20<br>(62.5) | 7<br>(21.9) | 4<br>(12.5) | 1<br>(3.1) | 0<br>(0.0)  | 1.56      |
| Personal Webserver   | 19<br>(59.4) | 8<br>(25.0) | 3<br>(9.4)  | 2<br>(6.2) | 0<br>(0.0)  | 1.63      |
| Microsoft Netmeeting | 20<br>(62.5) | 9<br>(28.1) | 3<br>(9.4)  | 0<br>(0.0) | 0<br>(0.0)  | 1.47      |
| Microsoft Chat       | 18<br>(56.3) | 8<br>(25.0) | 6<br>(18.7) | 0<br>(0.0) | 0<br>(0.0)  | 1.63      |
| Front Page Press     | 18<br>(56.3) | 8<br>(25.0) | 5<br>(15.6) | 1<br>(3.1) | 0<br>(0.0)  | 1.66      |
| Messenger Mailbox    | 19<br>(59.4) | 4<br>(12.5) | 8<br>(25.0) | 0<br>(0.0) | 1<br>(3.1)  | 1.75      |
| Page Composer        | 20<br>(62.6) | 5<br>(15.6) | 5<br>(15.6) | 1<br>(3.1) | 1<br>(3.1)  | 1.69      |
| Conference           | 21<br>(65.6) | 7<br>(21.9) | 4<br>(12.5) | 0<br>(0.0) | 0<br>(0.0)  | 1.47      |
| Calender             | 21<br>(65.6) | 4<br>(12.5) | 4<br>(12.4) | 2<br>(6.2) | 1<br>(3.1)  | 1.69      |
| Melayar Internet     | 18<br>(56.2) | 2<br>(6.3)  | 5<br>(15.6) | 2<br>(6.3) | 5<br>(15.6) | 2.18      |
| Keseluruhan          |              |             |             |            |             | 1.67      |

Nota : SL=Sangat Lemah      L=Lemah      S=Sederhana  
 B=Baik      SB=Sangat Baik

Jadual 19b: Pengetahuan Tentang Penggunaan Perisian Internet SSB

| Perisian Internet    | SL<br>(%)    | L<br>(%)    | S<br>(%)    | B<br>(%)    | SB<br>(%)   | $\bar{X}$ |
|----------------------|--------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-----------|
| Address Book         | 15<br>(50.0) | 5<br>(16.7) | 8<br>(26.7) | 1<br>(3.3)  | 1<br>(3.3)  | 1.93      |
| Outlook Express      | 16<br>(53.4) | 6<br>(20.0) | 6<br>(20.0) | 1<br>(3.3)  | 1<br>(3.3)  | 1.83      |
| Personal Webserver   | 17<br>(56.7) | 6<br>(20.0) | 6<br>(20.0) | 1<br>(3.3)  | 0<br>(0.0)  | 1.70      |
| Microsoft Netmeeting | 19<br>(63.3) | 5<br>(16.7) | 5<br>(16.7) | 1<br>(3.3)  | 0<br>(0.0)  | 1.60      |
| Microsoft Chat       | 15<br>(50.0) | 5<br>(16.7) | 8<br>(26.7) | 2<br>(6.6)  | 0<br>(0.0)  | 1.90      |
| Front Page Press     | 17<br>(56.7) | 5<br>(16.7) | 5<br>(16.7) | 2<br>(6.7)  | 1<br>(3.3)  | 2.73      |
| Messenger Mailbox    | 16<br>(53.3) | 6<br>(20.0) | 6<br>(20.0) | 2<br>(6.6)  | 0<br>(0.0)  | 1.80      |
| Page Composer        | 17<br>(56.7) | 5<br>(16.7) | 6<br>(20.0) | 1<br>(3.3)  | 1<br>(3.3)  | 1.80      |
| Conference           | 19<br>(63.3) | 5<br>(16.7) | 5<br>(16.7) | 1<br>(3.3)  | 0<br>(0.0)  | 1.60      |
| Calender             | 16<br>(53.3) | 5<br>(16.7) | 8<br>(26.7) | 1<br>(3.3)  | 0<br>(0.0)  | 1.80      |
| Melayar Internet     | 14<br>(46.7) | 2<br>(6.6)  | 3<br>(10.0) | 5<br>(16.7) | 6<br>(20.0) | 2.57      |
| Keseluruhan          |              |             |             |             |             | 1.93      |

Nota : SL=Sangat Lemah      L=Lemah      S=Sederhana  
 B=Baik      SB=Sangat Baik

Responden SSB pula sangat lemah ( $1 \leq \bar{X} < 2$ ) dalam semua perisian kecuali *Front Page Composer* dan melayar Internet ( $2 \leq \bar{X} < 3$ ). Secara keseluruhannya min SMKTDH ( $x=1.67$ )

dan SSB ( $x=1.93$ ) adalah sangat rendah. Hanya terdapat sedikit peningkatan pada responden SSB min jika dibandingkan dengan responden SMKTDH.

### Faktor Penghalang Penggunaan Internet

Jadual 20a: Faktor Penghalang Penggunaan Internet SMKTDH

| Faktor Penghalang  | STS<br>(%)  | TS<br>(%)   | KS<br>(%)    | S<br>(%)     | SS<br>(%)    | $\bar{X}$ |
|--|-------------|-------------|--------------|--------------|--------------|-----------|
| Tidak ada komputer yang mencukupi di sekolah ini untuk tujuan ini      | 0<br>(0.0)  | 7<br>(21.9) | 5<br>(15.6)  | 4<br>(12.5)  | 16<br>(50.0) | 3.91      |
| Tidak ada sambungan Internet di sekolah                                | 0<br>(0.0)  | 0<br>(0.0)  | 0<br>(0.0)   | 10<br>(31.3) | 22<br>(68.7) | 4.69      |
| Tidak diberi latihan/kursus Internet                                   | 1<br>(3.1)  | 2<br>(6.3)  | 9<br>(28.1)  | 8<br>(25.0)  | 12<br>(37.5) | 3.88      |
| Tidak diberi insentif/penghargaan atas usaha yang dilakukan            | 4<br>(12.5) | 4<br>(12.5) | 8<br>(25.0)  | 7<br>(21.9)  | 9<br>(28.1)  | 3.41      |
| Tidak mendapat sokongan daripada rakan sekerja                         | 5<br>(15.6) | 6<br>(18.8) | 13<br>(40.6) | 7<br>(21.9)  | 1<br>(3.1)   | 2.78      |
| Kesuntukan masa  | 0<br>(0.0)  | 1<br>(3.1)  | 2<br>(6.3)   | 14<br>(43.7) | 15<br>(46.9) | 4.34      |
| Terlalu banyak peraturan terpaksa diikuti sekiranya hendak menggunakan | 0<br>(0.0)  | 4<br>(12.5) | 8<br>(25.0)  | 14<br>(43.7) | 6<br>(18.8)  | 3.69      |
| Tidak mendapat galakan daripada pihak pentadbir sekolah                | 0<br>(0.0)  | 7<br>(21.9) | 8<br>(25.0)  | 11<br>(34.3) | 5<br>(15.6)  | 3.45      |

Nota : STS=Sangat Tidak Setuju  
 TS=Tidak Setuju  
 KS=Kurang Setuju  
 S=Setuju  
 SS=Sangat Setuju

Jadual 20b: Faktor Mngelang Penggunaan Internet SSB

| Faktor Penghalang  | STS<br>(%)   | TS<br>(%)    | KS<br>(%)    | S<br>(%)    | SS<br>(%)    | X    |
|--|--------------|--------------|--------------|-------------|--------------|------|
| Tidak ada komputer yang mencukupi di sekolah ini untuk tujuan ini      | 9<br>(30.0)  | 6<br>(20.0)  | 8<br>(26.7)  | 2<br>(6.6)  | 5<br>(16.7)  | 2.60 |
| Tidak ada sambungan Internet di sekolah                                | 19<br>(63.4) | 7<br>(23.3)  | 4<br>(13.3)  | 0<br>(0.0)  | 0<br>(0.0)   | 1.53 |
| Tidak diberi latihan/kursus Internet                                   | 9<br>(30.0)  | 8<br>(26.7)  | 9<br>(30.0)  | 3<br>(10.0) | 1<br>(3.3)   | 2.30 |
| Tidak diberi insentif/penghargaan atas usaha yang dilakukan            | 3<br>(10.0)  | 5<br>(16.7)  | 5<br>(16.7)  | 9<br>(30.0) | 8<br>(26.6)  | 3.47 |
| Tidak mendapat sokongan daripada rakan sekerja                         | 5<br>(16.7)  | 11<br>(36.7) | 7<br>(23.3)  | 6<br>(20.0) | 1<br>(3.3)   | 2.57 |
| Kesuntukan masa  | 1<br>(3.3)   | 3<br>(10.0)  | 6<br>(20.0)  | 8<br>(26.7) | 12<br>(40.0) | 3.90 |
| Terlalu banyak peraturan terpaksa diikuti sekiranya hendak menggunakan | 6<br>(20.0)  | 6<br>(20.0)  | 9<br>(30.0)  | 4<br>(13.3) | 5<br>(16.7)  | 2.87 |
| Tidak mendapat galakan daripada pihak pentadbir sekolah                | 10<br>(33.3) | 5<br>(16.7)  | 11<br>(36.7) | 1<br>(3.3)  | 3<br>(10.0)  | 2.40 |

Jadual 20a dan 20b menunjukkan faktor yang menghalang responden menggunakan Internet dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan faktor utama yang menghalang penggunaan Internet di SMKTDH ialah tidak ada sambungan Internet . Sebanyak 100% responden SMKTDH bersetuju dengan item ini. Faktor kedua yang utama menghalang responden SMKTDH daripada mengguna Internet adalah kesuntukan masa kerana terpaksa menghabiskan sukanan pelajaran. Sebanyak 90.6% (n=29) responden

bersetuju terhadap item ini. Sebanyak 62.5% (n=20) responden SMKTDH bersetuju bahawa faktor yang menghalang mereka daripada mengguna Internet ialah tidak ada komputer yang mencukupi di sekolah, tidak diberi latihan/kursus dan terlalu banyak peraturan terpaksa diikuti sekiranya hendak menggunakanannya. Manakala 50% (n=16) responden berpendapat mereka tidak diberi insentif /penghargaan atas usaha yang dilakukan dengan menggunakan Internet dan tidak mendapat galakan daripada pihak pentadbir sekolah merupakan faktor yang menghalang mereka daripada mengguna Internet. Sebanyak 35.5% (n=11) tidak menganggap sokongan daripada rakan sekerja bukan penghalang mereka daripada menggunakaninya Internet.

Responden SSB pula berpendapat faktor utama yang menghalang mereka daripada mengguna Internet adalah kesuntukan masa kerana terpaksa menghabiskan sukan pelajaran. Sebanyak 66.7% (n=20) responden yang berpendapat sedemikian. Sementara 56.7% (n=17) responden berpendapat mereka tidak diberi insentif/penghargaan atas usaha yang dilakukan. Sebanyak 30% (n=9) responden bersetuju terlalu banyak peraturan terpaksa diikuti sekiranya hendak menggunakan bilik komputer. Manakala 27.7% (n=7) responden berpendapat faktor tidak ada komputer yang mencukupi dan tidak mendapat sokongan daripada rakan sekerja merupakan faktor yang menghalang mereka menggunakan Internet. Hanya 13.3% (n=3) responden yang bersetuju tidak diberi latihan/kursus Internet kepada mereka. Semua responden SSB bersetuju tidak ada sambungan Internet di sekolah bukanlah faktor yang menghalang mereka daripada mengguna Internet.

Sebagai kesimpulan responden kedua-dua sekolah mempunyai pendapat yang berbeza tentang faktor yang menghalang mereka daripada mengguna Internet.

Jadual 21: Masalah Yang Dihadapi Semasa Mengakses Internet

| Faktor Penghalang                          | SMKTDH    |       | SSB       |       |
|--|-----------|-------|-----------|-------|
|  | Frekuensi | %     | Frekuensi | %     |
| Tidak mempunyai kemahiran                  | 9         | 50.0  | 12        | 50.0  |
| Tiada respons                              | 3         | 16.6  | 1         | 4.2   |
| Tidak dapat bersambung dengan Jaring/TMnet | 3         | 16.6  | 7         | 29.2  |
| Tergendalanya sistem                       | 1         | 5.7   | 2         | 8.3   |
| Tiada masalah                              | 2         | 11.1  | 2         | 8.3   |
| Keseluruhan                                | 18        | 100.0 | 24        | 100.0 |

Jadual 21 menunjukkan masalah yang dihadapi oleh responden semasa mengakses Internet. Sebanyak 50% (n=9) responden SMKTDH berpendapat masalah mereka semasa mengakses Internet ialah mereka tidak mempunyai kemahiran. Manakala 16.6% (n=3) responden berpendapat mereka tiada respons dan tidak dapat berhubung dengan Tmnet/Jaring merupakan masalah mereka. Manakala sebanyak 5.7% (n=1) responden berpendapat mereka mendapat masalah kerana sistem tergenda dan 11.1% (n=1) berpendapat mereka tidak mempunyai masalah langsung.

Sebanyak 50% (n=12) responden SSB berpendapat bahawa ketiadaan kemahiran sebagai masalah mereka semasa mengakses Internet. Manakala 8.3% (n=2) responden berpendapat tergendalanya sistem merupakan masalah mereka. Manakala sebanyak 4.2% (n=1) responden berpendapat mereka mendapat masalah kerana tiada respons dan sebanyak 8.3% (n=1) berpendapat mereka tidak mempunyai masalah langsung.

Kesimpulannya kekurangan kemahiran merupakan masalah utama yang dihadapi oleh responden kedua-dua sekolah.

### **Perbezaan Penggunaan Internet Antara SMKTDH dan SSB**

Keputusan analisa Ujian-t digunakan untuk mengukur sama ada wujud perbezaan penggunaan Internet antara guru sekolah menengah kerajaan (SMKTDH) dengan swasta (SSB). Penggunaan Internet meliputi pengalaman mengguna Internet, tempoh penggunaan Internet di rumah, sekolah dan tempat lain dan kekerapan penggunaan Internet di rumah, sekolah dan tempat lain.

Jadual 22: Penggunaan Internet Antara SMKTDH dan SSB Berdasarkan Pengalaman Mengguna Internet

| Pengalaman  | Bil | min  | sisihan<br>piawai | t     | df | sig.  |
|-------------|-----|------|-------------------|-------|----|-------|
| Ya          | 32  | 1.56 | 0.50              |       |    |       |
| Tidak       | 30  | 1.83 | 0.38              | 2.379 | 60 | 0.021 |
| Keseluruhan | 62  |      |                   |       |    |       |

p < .05

Jadual 22 menunjukkan ujian-t, pengalaman mengguna Internet antara SMKTDH dan SSB. Data menunjukkan terdapat perbezaan signifikan pengalaman mengguna Internet di antara SMKTDH dan SSB,  $t = 2.379$ ,  $p < .05$ .

Jadual 23: Perbezaan Tempoh Penggunaan Internet Di rumah Antara SMKTDH dan SSB

| Penggunaan Internet                        | Bil | min  | sisisian<br>piawai | t     | df | sig. |
|--|-----|------|--------------------|-------|----|------|
| <b>Tempoh penggunaan Internet di rumah</b> |     |      |                    |       |    |      |
| SMKTDH                                     | 32  | 0.66 | 0.97               |       |    |      |
| SSB  | 30  | 0.63 | 1.16               | 0.085 | 60 | .933 |
| Keseluruhan                                | 62  |      |                    |       |    |      |

p < .05

Jadual 23 menunjukkan ujian-t tempoh penggunaan Internet di rumah antara SMKTDH dan SSB. Data menunjukkan tiada perbezaan signifikan penggunaan Internet di rumah antara SMKTDH dan SSB,  $t = 0.085$ , p < .05.

Jadual 24: Perbezaan Tempoh Penggunaan Internet Di Sekolah Antara SMKTDH dan SSB

| Penggunaan Internet                          | Bil | min  | sisisian<br>piawai | t     | df | sig. |
|--|-----|------|--------------------|-------|----|------|
| <b>Tempoh penggunaan Internet di sekolah</b> |     |      |                    |       |    |      |
| SMKTDH                                       | 32  | 0.00 | 0.00               |       |    |      |
| SSB  | 30  | 0.60 | 0.89               | 3.797 | 60 | .000 |
| Keseluruhan                                  | 62  |      |                    |       |    |      |

p < .05

Jadual 24 menunjukkan ujian-t tempoh penggunaan Internet di sekolah antara SMKTDH dan SSB. Data menunjukkan terdapat perbezaan signifikan penggunaan Internet di sekolah antara SMKTDH dan SSB,  $t = 3.797$ , p < .05

Jadual 25: Perbezaan Tempoh Penggunaan Internet Di Tempat Lain  
Antara SMKTDH dan SSB

| Penggunaan Internet                              | Bil | min  | sisihan<br>piawai | t | df | sig. |
|--|-----|------|-------------------|---|----|------|
| <b>Tempoh penggunaan Internet di tempat lain</b> |     |      |                   |   |    |      |
| SMKTDH   | 32  | 0.34 | 0.60              |   |    |      |
| SSB  | 30  | 0.00 | 0.25              |   |    |      |
| Keseluruhan                                      | 62  |      |                   |   |    |      |

p < .05

Jadual 25 menunjukkan ujian-t tempoh penggunaan Internet di tempat lain antara SMKTDH dan SSB. Data menunjukkan terdapat perbezaan signifikan penggunaan Internet di tempat lain antara SMKTDH dan SSB,  $t = 0.023$ , p < .05.

Jadual 26: Perbezaan Kekerapan Penggunaan Internet Di Rumah Antara SMKTDH dan SSB

| Penggunaan Internet                           | Bil | min  | sisihan<br>piawai | t | df | sig. |
|---|-----|------|-------------------|---|----|------|
| <b>Kekerapan penggunaan Internet di rumah</b> |     |      |                   |   |    |      |
| SMKTDH  | 32  | 0.63 | 0.94              |   |    |      |
| SSB   | 30  | 0.73 | 1.23              |   |    |      |
| Keseluruhan                                   | 62  |      |                   |   |    |      |

p < .05

Jadual 26 menunjukkan ujian-t kekerapan penggunaan Internet di rumah antara SMKTDH dan SSB. Data menunjukkan tiada perbezaan signifikan kekerapan penggunaan Internet di rumah antara sekolah SMKTDH dan SSB,  $t = 0.391$ , p < .05.

Jadual 27: Perbezaan Kekerapan Penggunaan Internet Di Sekolah Antara SMKTDH dan SSB

| Penggunaan Internet                             | Bil | min  | sisisian<br>piawai | t     | df | sig. |
|---|-----|------|--------------------|-------|----|------|
| <b>Kekerapan penggunaan Internet di sekolah</b> |     |      |                    |       |    |      |
| SMKTDH  |     |      |                    |       |    |      |
| SSB   | 32  | 0.00 | 0.00               | 3.717 | 60 | .000 |
| Keseluruhan                                     | 30  | 0.63 | 0.96               |       |    |      |
|   | 62  |      |                    |       |    |      |

p<.05

Jadual 27 menunjukkan ujian-t kekerapan penggunaan Internet di sekolah antara SMKTDH dan SSB. Data menunjukkan terdapat perbezaan signifikan kekerapan penggunaan Internet di sekolah antara SMKTDH dan SSB,  $t = 3.717$ , p<.05.

Jadual 28: Perbezaan Kekerapan Penggunaan Internet Di Tempat Lain Antara SMKTDH dan SSB

| Penggunaan Internet                                 | Bil | min  | sisisian<br>piawai | t     | df | sig. |
|---|-----|------|--------------------|-------|----|------|
| <b>Kekerapan penggunaan Internet di tempat lain</b> |     |      |                    |       |    |      |
| SMKTDH  |     |      |                    |       |    |      |
| SSB   | 32  | 0.28 | 0.52               | 2.460 | 60 | .000 |
| Keseluruhan   | 30  | 0.00 | 0.18               |       |    |      |
|   | 62  |      |                    |       |    |      |

p<.05

Jadual 28 menunjukkan ujian-t kekerapan penggunaan Internet di tempat lain antara SMKTDH dan SSB. Data menunjukkan terdapat perbezaan signifikan kekerapan penggunaan Internet di tempat lain antara SMKTDH dan SSB,  $t = 2.460$ , p<.05.

Sebagai kesimpulan terdapat perbezaan signifikan pengalaman menggunakan, tempoh penggunaan Internet di sekolah dan di tempat lain, kekerapan penggunaan Internet di sekolah dan di tempat lain antara SMKTDH dan SSB. Bagi item-item seperti penggunaan Internet di rumah dan kekerapan penggunaan Internet di rumah tidak mempunyai perbezaan signifikan antara SMKTDH dan SSB.